

BIL 5 | JULAI 2021

EL-WAZIF

e-Buletin

AKTIVITI EL-WAZIF JUN 2021

- **KORBAN @ KEMBOJA 2021**
- **SUMBANGAN HOTLINE**
- **WHATSAPP**
- **WEBINAR FILANTROPI SIRI 3**
- **PEKERJA WADI LAPOR DIRI**

KORBAN @ KEMBOJA 2021

Projek Korban Aidiladha 1442H @ Kemboja

Unit El-WAZIF dan ACIS dengan kerjasama Kelab Sukarelawan Zakat (SUZA) telah berjaya mengadakan satu projek peringkat antarabangsa, iaitu projek Ibadah Korban @Kemboja 2021. Projek bertemakan ibadah korban dan khidmat masyarakat ini mendapat sambutan menggalakkan dari orang ramai, sejak mula diiklankan pada hujung bulan Jun yang lalu.

Sebanyak 14 ekor lembu berjaya disembelih di beberapa buah kampung yang terpilih seperti kampung Crop Daerah Kebal Lemis Negeri Stong Treng, kampung Kreak Saman Daerah Chelong Negeri Kratie, kampung Rom Chek km23 Tbong khmom, dan kampung Krosah Tmey Daerah Kampong Trôlack Negeri Kampong Chhnang. Dagingnya telah diagihkan kepada masyarakat muslim yang memerlukan dan terputus bekalan makanan dan pendapatan akibat krisis Covid-19.

Pengarah projek Korban Kemboja 2021, Muaz Mohd Noor berkata, aktiviti korban itu adalah sebahagian daripada misi tiga tahun ACIS bersama-sama madrasah angkat di Kemboja, iaitu madrasah Maulana Othman bermula tahun 2019 hingga 2022. Liputan berita ini turut dilaporkan oleh portal [BebasNews](#).

Kemboja mempunyai jumlah penduduk beragama Islam yang agak ramai. Sungguhpun begitu, rata-rata dari mereka diuji dengan kemiskinan. Menjadi tanggungjawab kita sebagai sesama muslim untuk membantu saudara seagama yang dalam kesusahan, lebih-lebih lagi ketika krisis wabak Covid-19 melanda. Dengan adanya program korban seperti ini, dapatlah serba sedikit mereka merasa kemeriahkan menyambut Aidiladha. Terima kasih kepada para peserta.



PKP: UiTM Melaka bagi bantuan

PRIBATIN dan okta dengan pemerintah semasa, Universiti Teknologi PETRONAS menggalakkan institusi mewujudkan tali khas masing-masing dan memohon wangan yang mampu memberikan bantuan separang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berlaku iaitu selama 3.0 bertarikh 1 Jun lalu.

Inisiatif ini digerakkan oleh unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF), yang berkerjasama dengan pelajar dan staf UiTM Melaka dalam kempen yang dikenali sebagai WhatsApp dan media sosial seperti Facebook, Instagram dan lala jala.

Muaz Mohd Noor, ketua kerjasama El-WAZIF, berkata, "Kempen ini dilakukan sebagai salah satu cara untuk mengejar para pelajar dan staf UiTM Melaka yang betul-betul terdesak dan memerlukan sepanjang tempoh PKP ini."

Kata dia, sebagaimana orang lain, ada juga dalam kalangan pelajar dan staf yang



MUAZ Mohd. Noor menyampaikan bantuan makanan kepada pelajar kolej UiTM cawangan Melaka yang tidak pulang ke kampung halaman baru-baru ini.

benar boleh terkesan dengan PKP kali ini, namun mereka tidak saluran untuk memohon bantuan.

Selain itu, Jelajah, segelintir mereka juga malu untuk mohon bantuan secara langsung, jadi kempen ini bagi menggesa dan

membantu mereka yang memerlukan.

"Kita mengertakan warga UiTM yang hilang makan dan terputus berasa makhanan selepas berlakunya PKP 3.0 pada 1 Jun yang lalu."

"Para pelajar atau staf

mengalami pesanan WhatsApp mereka sepanjang waktu pelajaran," katanya kepada Utusan Malaysia hari ini.

Muaz berkata, kempen itu mendapat sokongan Rektor UiTM Cawangan Melaka, Prof Dr Abd Halim Mohd. Noor sebagai saluran utama kebajikan terhadap warganya.

"Banyak pelajar bersempena untuk melanjutkan kempen seringkaliJulat ini dengan sekitar 20 perencahan jatuhnya UiTM, khususnya yang belum belum mengalihpapar bantuan dan daripada matang," katanya.

Menurutnya, pelajar

menyatakan rekod El-Wazif, sehingga 30 Jun,

selangkah 70 perencahan

diluluskan serta merta

memohon peruntukan lebih

RM10,000 datipada Tabung

Amanah Sedekah.

Selain itu, UiTM Melaka

baru-baru ini turut

memohon zakat lebih 204 pelajar

dari kerja-tiga kampus

dengan peruntukan hampir

RM100,000.

UiTM Melaka wujud hotline kesan pelajar, staf perlu bantuan

Berdasarkan maklumat di atas, ia terdapat beberapa poin penting:

- Hotline WhatsApp El-Wazif:** Diketuai oleh Muaz Mohd. Noor, ini merupakan inisiatif untuk membantu pelajar dan staf UiTM yang terkesan dengan PKP 3.0.
- Permohonan Bantuan:** Pelajar dan staf boleh menghubungi hotline WhatsApp ini untuk memohon bantuan makanan dan wang.
- Rekod El-Wazif:** Sehingga 30 Jun, mereka telah menerima lebih 70 permohonan bantuan makanan.
- Tabung Amanah Sedekah:** RM10,000 telah diluluskan kepada pelajar yang memohon bantuan.
- Peruntukan Zakat:** Selain itu, UiTM Melaka baru-baru ini turut memohon zakat lebih 204 pelajar.

Kasihan penuntut IPT, ramai tagih bantuan kecemasan

Nazri Abu Bakar
am@metro.com.my

ABD Halim Md Noor (tengah) dan Muaz Mohd Noor (kiri) ketika meryerapkan sumbangan laptop kepada pelajar UiTM Melaka. FOTO UiTM Melaka

Alor Gajah : Lebih 100 penuntut dan kakitangan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menerima bantuan mencapai RM20,000 menerusi tabung sedekah kampus berkenaan.

HOTLINES WHATSAPP

UNIT WAQAF, ZAKAT DAN INFQAQ (EL-WAZIF), UiTM MELAKA

TOTAL LOCKDOWN PKP 3.0 FASA KE-3 (1 - 30 JULAI 2021)

"Kami Peduli Kesukaran Anda, Hubungi Kami Segera"

013-3185436 019-6317925 012-6192503

DR KHAIRUL AZHAR MEERANGANI
Penyelaras Seksyen Infaq KAG

USTAZ MUHAMMAD FAIDZ
Penyelaras Seksyen Infaq KJM

DR AHMAD ROSLI MOHD NOR
Penyelaras Seksyen Infaq KBM

WAKTU OPERASI : 8.00 PAGI - 5.00 PETANG [PKP 3.0 FASA JULAI 2021]

OBJEKTIF
Menyalurkan **BANTUAN SEGERA** kepada **PELAJAR** dan **STAF** dalam kategori **ASNAF ZAKAT** dan **B40** yang terkesan akibat daripada pelaksanaan Total Lockdown PKP 3.0

KELAYAKAN MEMOHON
1. Pemohon **TIADA** sumber kewangan atau terputus **BEKALAN MAKANAN** akibat "Total Lockdown PKP 3.0"
2. Bagi pemohon kategori **PELAJAR**, pemohon mestilah **BUKAN** terdiri daripada kalangan pemohon zakat melalui sistem **E-ZAKAT** UiTM.

UNIT WAQAF, ZAKAT DAN INFQAQ (EL-WAZIF) UTM CAWANGAN MELAKA

Kepada para PELAJAR dan STAF UiTM Cawangan Melaka yang terkesan dengan perlaksanaan Lock Down PKP 3.0 ini, anda dialu-alukan untuk menghubungi kami, unit EL-WAZIF ditalian berikut:

1. Penyelaras Seksyen Infaq KAG
Dr Khairul Azhar Meerangani
2. Penyelaras Seksyen Infaq KBM
Dr Ahmad Rosli Mohd Nor
3. Penyelaras Seksyen Infaq KJM
Ust Muhammad Faiz Mohd Fadzil

'HOTLINES WHATSAPP' KESAN PELAJAR & STAF YANG MEMERLUKAN KETIKA PKP 3.0

Inisiatif Drastik - Hotline WhatsApp El-Wazif

UiTM Melaka melalui unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF), telah mengambil satu inisiatif drastik mewujudkan satu kempen atau talian khas, yang diberi nama "Hotlines Whatsapp El-Wazif" bagi mengesan dan membantu warga UiTM yang betul-betul memerlukan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 bermula 1 Jun yang lalu sehingga hujung Julai 2021.

Menurut Koordinator EL-WAZIF, En. Muaz Mohd Noor, kempen ini digerakkan sebagai salah satu cara untuk mengesan para pelajar dan staf UiTM Melaka yang betul-betul terdesak dan memerlukan sepanjang tempoh PKP ini.

"Sebagaimana orang lain, ada juga dari kalangan pelajar dan staf yang benar-benar terkesan dengan PKP kali ini, namun mereka tiada saluran untuk memohon bantuan, selain segelintir mereka

malu untuk meminta secara langsung. Jadi kempen ini bagi mengesan dan membantu mereka yang memerlukan."

Kempen ini disokong penuh oleh rektor UiTM Cawangan Melaka, Profesor Dr. Abd Halim Mohd Noor sebagai salah satu usaha kebajikan terhadap warganya.

Berdasarkan rekod El-Wazif, sehingga 30 Julai, seramai lebih 100 orang warga UiTM dari kalangan pelajar dan staf yang memohon melalui kempen ini, yang mana permohonan mereka telah diluluskan serta merta, yang melibatkan peruntukan lebih RM 25,000.00 daripada tabung Amanah Sedekah.

Program ini turut mendapat liputan media dari Utusan Malaysia dan Metro Harian Online pada 8 dan 18 Julai yang lalu.

WEBINAR FILANTROPI

WAKAF KEBAJIKAN DI MUSIM PANDEMIK COVID-19

30 Julai 2021 • 10~11 pagi .

"Ada ke wakaf pekerjaan? Boleh ke wakaf gajet?"



KATA-KATA ALUAN

PROF. DR. ABD. HALIM MOHD NOOR

(Menjalankan Tugas Rektor)
UiTM Cawangan Melaka



AHLI PANEL 1

PROF. MADYA DR. AMIR BIN SHAHARUDDIN

Ketua Pegawai Eksekutif
Yayasan Waqaf Malaysia (YWM)



AHLI PANEL 2

SAHIBUS SAMAHAH DATUK WIRA HAJI

ABDUL HALIM BIN TAWIL

Mufti Negeri Melaka
Bandaraya Bersejarah



MODERATOR

USTAZ MUAZ

HJ MOHD NOOR

Koordinator EL-WAZIF
UiTM Cawangan Melaka

WEBINAR FILANTROPI SIRI 3

Wakaf Kebajikan Di Musim Pandemik Covid-19

30 Julai 2021 - Webinar filantropi yang telah sampai ke musim-3 ini mengupas topik semasa berkenaan wakaf dan peranannya ketika musim pandemik covid-19 yang dilalui kini.

Selari dengan keadaan terkini negara yang dilanda pandemik, filantropi Islam berbentuk wakaf ini dapat menyumbang ke arah kelangsungan hidup masyarakat yang dilanda keresahan.

Ahli panel pada kali ini merupakan Mufti Negeri Melaka iaitu Sahibus Samahah Datuk Wira Haji Abdul Halim Bin Tawil dan CEO Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) iaitu Prof. Madya Dr. Amir Bin Shaharuddin. Moderator bertugas yang menjayakan program ini pula ialah Ustaz Muaz Hj Mohd Noor, Pensyarah di UiTM Cawangan Melaka yang juga juga Koordinator EL-WAZIF.

Selain itu, timbul persoalan tentang adakah wujud wakaf pekerjaan dan bolehkah wakaf gajet disumbangkan? Banyak lagi isu-isu dan kupasan yang menarik yang mesti anda saksikan sendiri. Bagi sesiapa yang terlepas peluang ketika sesi siaran langsung tempoh hari, boleh saksikan ulang siar di [YouTube Rasmi UiTM Cawangan Melaka](#).

ENDED 1:57:12 14

USTAZ MUAZ HJ MOHD NOOR

Mohamed Aarol Bin Arshad

Nabi

Majidah YWM

Dr. Amir Shaharuddin

Ain Nazir - YWM

Mufti Melaka

PELUANG BERWAKAF DALAM PROJEK WAQAF DUSUN ILMU (WaDI), UiTM CAWANGAN MELAKA

PEKEBUN WaDI LAPOR DIRI

Memulakan tugas secara rasmi

05 JULAI 2021: Pekerja WaDI yang dilantik iaitu En MUhammad Hamizan A. Aziz telah melaporkan diri hari Isnin di pintu masuk 2 UiTM Kampus Alor Gajah, untuk memulakan tugas rasmi sebagai Tukang Kebun WaDI.

Penolong Pengurus Projek, En Amran Abd Razak telah memberi taklimat ringkas berkenaan pengoperasian WaDI sebelum beliau memulakan tugas pembersihan kawasan kebun pagi ini.

Pihak pengurusan WaDI memerlukan seorang tenaga buruh (tukang / penyelia) Kebun WaDI sepenuh masa untuk menguruskan kerja-kerja pertanian di Kebun WaDi, UiTMCM.


Antara rasional kewujudan Tukang Kebun Wadi ialah:

- i. Peringkat awal penanaman adalah masa kritis bagi pertumbuhan anak-anak pokok.
- ii. Pokok buah-buahan ini adalah daripada sumbangan wakaf (amanah) orang ramai.
- iii. Tenaga buruh sepenuh masa diperlukan kerana tenaga kerja sedia ada (staf UiTMCM) terikat dengan waktu bertugas di pejabat.

Antara tugas UTAMA Pekebun WaDI merangkumi:

- o Memotong / memesin rumput.
- o Merumpai (Pembersihan kawasan tanaman pokok).
- o Penyiraman dan pengairan (memastikan saliran perpaipan berfungsi dengan baik).
- o Membaja, rawatan tanah dan meracun serangga/hama pokok.

Lantikan ini juga merupakan satu manifestasi kemanisan wakaf yang disumbangkan. Kini, terdapat seorang insan yang telah mempunyai punca pendapatan hasil dari projek Dusun Ilmu ini. Semoga Allah membala jasa yang melimpah ruah kepada para pewakaf sekalian.



SUMBANGAN WAKAF DUSUN ILMU (WaDI)

**JUMLAH TERKUMPUL
SEHINGGA JUN 2021
RM36,502.00**

Mari berwaqaf

Sumbangan boleh disalurkan ke akaun BANK ISLAM
UiTM Cawangan Melaka 04024010017652
(Reference: 'Waqaf Dusun Ilmu').